

# **PELANCARAN DOKUMEN**

## **AGENDA PERBANDARAN BAHARU**



YB Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan) telah melancarkan Dokumen Agenda Perbandaran Baharu pada 24 Oktober 2017 bertempat Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Dokumen Agenda Perbandaran Baharu ini telah diterima pakai oleh 170 buah Negara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu semasa persidangan Habitat III di Quito, Ecuador pada 20 Oktober 2016 yang lalu dan menggariskan wawasan yang sama dan standard untuk pembangunan bandar menjelang tahun 2030 atau melangkaui sehingga tahun 2050.

KPKT dengan kerjasama United Nations Human Settlements Programme (UN-Habitat) telah menterjemahkan Dokumen Agenda Perbandaran Baharu ini

ke dalam Bahasa Melayu. Dokumen ini juga telah diterjamahkan ke dalam enam (6) bahasa utama yang lain agar dapat diterima pakai dalam konteks tempatan, khususnya jabatan persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT)



Dokumen Agenda Perbandaran Baharu ini menggariskan lima (5) aspek utama yang akan menjadi standard pembangunan bandar dalam tempoh 30 tahun akan datang, iaitu:

- i. Dasar Perbandaran Negara (National Urban Policy);
- ii. Perundangan dan Peraturan Perbandaran (Urban Legislation Rules and Regulation);
- iii. Reka Bentuk dan Perancangan Perbandaran (Urban Planning and Design);
- iv. Sistem Kewangan Majlis Perbandaran dan Ekonomi Bandar (Urban Economy and Municipal Finance); dan
- v. Pelaksanaan Tempatan (Local Implementation).

Antara aspek lain yang digariskan dalam dokumen ini ialah struktur tadbir urus, inklusif sosial, pembangunan spatial, kemakmuran bandar dan kelestarian persekitaran.



Dokumen berkenaan telah diterima pakai oleh 170 buah negara Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) semasa Persidangan Habitat III di Quito, Ecuador pada 20 Oktober 2016.

Agenda Perbandaran Baharu akan turut dibincangkan bersama dengan negara-negara lain semasa Forum Bandar Sedunia ke 9 (World Urban Forum – WUF9) yang akan diadakan dari 7 hingga 13 Februari 2018 di Kuala Lumpur. Malaysia adalah negara kedua di benua Asia yang menganjurkan WUF setelah WUF4 telah diadakan di Nanjing, China pada tahun 2008.

Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KPKT